



WONG VOON SIONG (tengah) menerima anugerah daripada Pengarah Akademik Kolej Sunway, Dr. Tan Toh Wah sambil diperhatikan oleh ibunya.

Voon Siong mendapat 465 daripada 510 mata dan Tertiary Entrance Ranking (TER) sebanyak 99.85 peratus.

Beliau turut dianugerahkan 'Special Certificate of Distinction' bagi mata pelajaran Fizik dengan mendapat 97.8 peratus di dalam peperiksaan akhir itu.

Pengurus Perakuan dan Peperiksaan Curriculum, Jenny Morup berkata, ia merupakan satu pencapaian yang amat baik bagi Sunway memandangkan peperiksaan TER diduduki oleh 13,000 pelajar.

Voon Siong akan mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Sistem Komputer)/Sarjana Muda Sains (Matematik dan Sains Komputer) di University of Adelaide di mana dia telah ditawarkan biasiswa penuh untuk ijazah berkembar.

Wong Voon Siong pelajar cemerlang

SEORANG pelajar program matrikulasi Australia Sunway College, Wong Voon Siong merupakan antara pelajar cemerlang yang menduduki peperiksaan itu di seluruh dunia.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.